

Positif Dalam Hubungan Insani (Berita Harian [Singapura], 2 Julai 2013)

Muhammad Haniff Hassan

Manusia secara tabi'ii tidak boleh hidup sendirian.

Ia perlu teman untuk memenuhi keperluan psikologinya i.e. ingin mencintai dan dicintai dan rasa persaudaraan.

Sebab itulah Adam tidak dapat hidup lama bersendirian.

Allah taala lalu ciptakan untuknya Hawa sebagai teman dan rahmat untuk dia.

Sejak awal kewujudan manusia, telah timbul kesedaran akan penting perhubungan sesama manusia bagi memenuhi keperluan hidup secara kolektif kerana ia lebih memudahkan kerja, menatijahkan hasil lebih baik dan mempercepatkan kemakmuran hidup seperti memburu secara kolektif dan meningkatkan kekayaan melalui jual beli dari melakukan segala perkara secara bersendirian.

Al-Quran mengakui kepentingan hubungan sesama manusia.

Hal ini disebutkan dalam Al-Quran (3:112) yang menggandingkan "tali [hubungan] dengan manusia" bersama dengan "tali Allah" sebagai syarat mencapai kemuliaan dalam hidup.

Pernyataan Al-Quran itu amat benar jika kita fikirkan jawapan bagi soalan; Bagaimana mungkin Islam dapat disebarkan pada manusia tanpa wujud hubungan sesama mereka? Bagaimana pula umat Islam dapat capai kemajuan lebih tinggi dan membaiki keadaan sekarang ini tanpa usaha kolektif sesama Muslim dan hubungan dengan bukan Muslim?

Oleh itu, amat penting untuk Muslim mengetahui dasar hubungan sesama manusia yang betul.

Sebagai kitab petunjuk, pastilah Al-Quran dijadikan panduan, walau pun bukan satu-satunya sumber pengetahuan, dalam hal ini.

Bahkan, pada hakikatnya Al-Quran mengandungi banyak petunjuk tentang dasar hubungan sesama manusia yang betul.

Artikel ini ingin berkongsi sebahagian dari petunjuk Al-Quran dalam hal ini sebagai renungan dan dorongan untuk kajian lanjut para pembaca.

Asas Yang Positif

Petunjuk pertama dan paling penting dari Al-Quran dalam hubungan sesama manusia ialah ia hendaklah diasaskan atas asas yang positif, bukan negatif seperti berprasangka buruk, permusuhan, memandang rendah orang lain.

Dalilnya ialah ayat Al-Quran (49:13) yang memberitahu tujuan penciptaan manusia dengan segala kepelbagaian ialah untuk saling berkenalan (positif) atau, dengan kata lain, membina silaturahmi.

Pastinya membina silaturahmi sukar tercapai jika titik mula atau dasar hubungan kita dengan orang lain sesuatu yang negatif seperti prasangka buruk i.e. yang lain itu musuh atau fasiq kecuali terbukti sebaliknya.

Antara dalil lain yang menyokong rumusan ini;

- Al-Quran menganjurkan umat Islam membina hubungan dengan golongan Ahli Kitab atas dasar persamaan, walaupun terdapat perbezaan prinsip antara kedua golongan ini
- Allah taala memperkenalkan diriNya kepada manusia atau dengan kata lain ingin menjalin hubungan dengan mereka melalui sifat pengasih dan penyayangNya (sifat positif) sebagaimana yang dapat disimpulkan dari Al-Quran (1:1).
- Rasulullah s.a.w diutus sebagai rahmat (nilai positif) pada semua (21:107)

Kasih Sayang

Ayat pertama Al-Fatihah (1:1) bukan hanya menjadi dalil penyokong bagi asas yang positif tapi juga meletakkan asas lain hubungan sesama manusia iaitu asas kasih sayang.

Ini adalah asas yang penting dan kepentingannya dapat dilihat dari:

- Ia adalah ayat pertama Al-Quran. Allah taala boleh memulakan Al-Quran dengan menyentuh pelbagai isu lain, tapi Dia pilih untuk berkenalan dengan manusia melalui sifat pengasih dan penyayang.
- Allah taala mempunyai 99 nama tapi Dia memilih pengasih dan penyayang sebagai nama untuk memperkenalkan dirinya kali pertama.

Hal ini sepatutnya menjadi contoh bagi Muslim dalam menjalin hubungan dengan manusia lain.

Oleh itu, yang sepatutnya terserlah dari keperibadian Muslim apabila berhubungan dengan yang lain ialah sifat kasih sayang bukan imej pemaarah, yang menggerunkan atau sombong.

Hormat

Al-Quran anjurkan agar Muslim menunjukkan sifat hormat pada semua manusia dan ia menjadi asas penting dalam hubungan kemanusiaan.

Dalil dalam hal ini ialah ayat Al-Quran (17:70) yang memberitahu bahawa Allah taala memuliakan semua anak Adam.

Para ulama, apabila menghuraikan ayat ini, berpendapat penghormatan ini berlaku pada semua tanpa kira bangsa dan agama.

Sebab itulah semua anak Adam dianggap suci (bukan najis).

Nyawa dan kehormatan mereka wajib dilindungi kecuali atas sebab yang dibenarkan.

Atas sebab itu juga, Islam mengharamkan perkara berikut ke atas sesiapa sahaja:

- membunuh (6:151, 17:33)
- mencedera tubuh / mencabul (5:45)
- membuat fitnah (104:1)
- mencaci maki (49:11)
- menghina / mempersenda (49:11)
- buruk sangka (49:12)

- mengumpat (49:12)

Nabi s.a.w mencontohkan sikap ini dengan berdiri hormat apabila melihat jenazah bukan Muslim diusung di hadapannya.

Logik juga mengajar, jika kita tidak suka menjalin hubungan dengan orang yang tidak menunjukkan rasa hormat pada dirinya, maka kita sendiri perlu bersikap hormat pada orang lain untuk membina hubungan yang meluas sesama manusia.

Hidup Dengan Kepelbagaian

Jika kita tinjau ayat Al-Quran (49:13), kita akan dapati bahawa ia menyebut dahulu soal kepelbagaian sebelum berbicara soal berkenalan.

Ini memberi maksud bahawa kita hendaklah bersedia menerima kepelbagaian sebelum mengorak langkah membina hubungan.

Boleh juga dirumuskan bahawa kepelbagaian adalah sebab kenapa kita perlu membina hubungan dan kepelbagaian hendaklah dihadapi dengan sikap yang positif supaya setiap pihak dapat saling belajar dan melengkapi satu sama lain.

Dengan disokong juga oleh ayat Al-Quran (11:118-9), kepelbagaian hendaklah diterima sebagai sesuatu yang tabi'ii.

Ini bermakna, sesiapa yang ingin membina hubungan sesama manusia tetapi sukar untuk menerima kewujudan kepelbagaian akan pasti berhadapan dengan kesukaran dan kemudiannya kegagalan kerana ia bukan sesuatu yang realistik dan tabi'ii.

Termasuk dalam kepelbagaian yang tabi'ii di sini ialah kepelbagaian pada agama dan akidah.

Al-Quran jelas menegaskan ini dalam banyak ayat Al-Quran (5:48, 10:99, 16:93).

Oleh itu, kebolehan (aptitude) tinggi untuk hidup dengan kelebihan adalah sesuatu yang mesti dalam hubungan kemanusiaan

Terima Ketidaksempurnaan

Al-Quran menyatakan ketidaksempurnaan juga termasuk dalam sifat tabi'ii alam ini yang termasuk juga manusia (4:26).

Hal ini memberi maksud perlu menerima manusia seadanya.

Termasuk dalam hal ini ialah menerima sifat berdosa pada diri seseorang (53:32).

Yang dianjurkan ialah mengambil iktibar dan pelihara diri dari terpengaruh oleh kelemahan dan perbuatan dosa orang lain, bukan mengelak dari membina hubungan dengan yang lain kerana kelemahan dan dosanya. Yang seperti itu adalah tidak realistik.

Jangan "Perasan"

Perasan dalam penggunaan biasa orang ramai bermakna merasa diri mempunyai sesuatu tetapi sebenarnya tidak.

Yang paling bahaya dan dilarang agama “perasan” lebih baik, alim, soleh atau mulia dari yang lain (self-righteous) yang disebut dengan jelas dalam Al-Quran (53:32).

Al-Quran mengaitkan sifat ini dengan Iblis yang tidak mahu hormat Adam kerana merasa dirinya lebih baik (38:76) dan juga Firaun yang memandang rendah nabi Musa a.s (43:52).

Ia adalah manifestasi sifat angkuh dan sombong pada Iblis (2:34) dan Firaun (10:75) yang dicela agama yang perlu dijauhi oleh kita.

Selain alasan agama, logik memberitahu sukar bagi kita untuk membina hubungan positif dengan sesiapa jika jelas di mata kita sikapnya yang memandang rendah pada kita.

Orang pasti akan membenci kita jika kita mempunyai sifat ini dan ini tidak menggalak hubungan kemanusiaan yang baik, positif dan meluas yang dianjurkan agama ini.

Bukan Muslim

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa hubungan positif yang dianjurkan di atas hanyalah untuk sesama Muslim.

Di sisi pendapat ini, Muslim tidak dibenarkan mempunyai sifat kasih atau positif terhadap bukan Muslim.

Bahkan hendaklah membenci bukan Muslim kerana mereka telah disifatkan sebagai musuh Allah.

Allah taala membenci kekufuran mereka maka hendaklah Muslim juga membenci mereka.

Di sisi pendapat ini juga, bukan Muslim disifatkan sebagai golongan yang sentiasa mempunyai niat jahat terhadap Islam dan Muslim.

Oleh itu, Muslim hendaklah sentiasa berwaspada dan berprasangka terhadap mereka kecuali ada bukti sebaliknya.

Pendapat ini tidaklah tepat dan boleh disanggah dengan pelbagai hujah.

Pertama, pendapat ini berandaian bahawa semua bukan Muslim adalah sama pada sifat dan sikap.

Padahal, Al-Quran menafikan mereka semua sama (3:113).

Bahkan terdapat dalam Al-Quran pelbagai ayat yang membeza-bezakan bukan Muslim dan memuji sebahagian mereka (3:75, 3:113-4, 5:82-86).

Kedua, ayat-ayat berkaitan sikap positif yang dinyatakan di atas adalah umum dan tidak dikhususkan pada Muslim sahaja.

Ketiga, ayat-ayat Al-Quran yang anjurkan sikap negatif i.e. memusuhi, benci dan negatif bukan ditujukan kepada semua bukan Muslim agama tetapi kerana sikap permusuhan dan jahat yang ditunjukkan pada Muslim (3:118, 58:22, 60:1-2, 60:8-9).

Keempat, sejarah nabi s.a.w juga membuktikan bukan semua bukan Muslim memusuhi Islam.

Antara mereka ialah:

- Abu Talib, pakcik nabi s.a.w yang membela beliau dan mati sebagai bukan Muslim
- Najasyi, raja Habsyah yang melindungi Muslim yang berhijrah ke sana tapi kemudian memeluk Islam
- Abdullah bin `Uraiqit, petunjuk jalan ketika nabi s.a.w berhijrah ke Madinah
- Waraqah bin Naufal, pakcik mertua nabi s.a.w yang memberi nasihat pada nabi s.a.w setelah baru menerima wahyu

Kelima, Nabi s.a.w tidak membenci bukan Muslim mereka kerana aqidah mereka dan tidak pula menunjukkan sikap buruk atau prasangka sesuai dengan Al-Quran (60:8).

Oleh itu, perbuatan nabi s.a.w ini menyokong hujah kedua di atas dan mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran yang menganjurkan sikap negatif terhadap bukan Muslim.

Keenam, logik memberitahu kalau Muslim tidak suka diprasangka sebagai penjahat dan penganas, pastinya tidak wajar untuk Muslim mempunyai prasangka yang sama bahawa semua bukan Muslim adalah jahat dan anti-Islam.

Huraian terperinci tentang ini boleh dibaca dalam buku Kesederhanaan Dalam Islam terbitan Pergas (2004) yang menetapkan asas hubungan Muslim dengan bukan Muslim ialah positif, bukan negatif; dan damai, bukan perang.

Ia juga dipertegaskan oleh ramai ulama kontemporari dalam Deklarasi Mardin semasa Mardin Conference (27-28 March 2010) dan inisiatif A Common Word (2007) yang ditaja oleh kerajaan Jordan.

Ustaz Muhammad Haniff Hassan adalah Zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (NTU, Singapura). Beliau berkelulusan syariah dan undang-undang (UKM, Malaysia) dan pengajian antarabangsa (NTU).